



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - JUMAAT, 17 JANUARI 2025



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



17/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>SINDIKET PENGEMIS EKSPLOITASI KANAK-KANAK KAUT UNTUNG RM3,000 SEHARI</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/01/16/sindiket-pengemis-eksploitasi-kanak-kanak-kaut-untung-rm3000-sehari/">https://www.kosmo.com.my/2025/01/16/sindiket-pengemis-eksploitasi-kanak-kanak-kaut-untung-rm3000-sehari/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.majalahpama.my/eksploitasi-kanak-kanak-sindiket-pengemis-untung-cecah-rm3000-sehari/">https://www.majalahpama.my/eksploitasi-kanak-kanak-sindiket-pengemis-untung-cecah-rm3000-sehari/</a>	MAJALAHPAMA.MY	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1349908/mangsa-pemerdagangan-manusia-warga-yaman-kutip-rm3000-sehari">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1349908/mangsa-pemerdagangan-manusia-warga-yaman-kutip-rm3000-sehari</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/17-termasuk-2-kanak-kanak-ditahan-rentas-sempadan-guna-pangkalan-haram/">https://www.buletintv3.my/nasional/17-termasuk-2-kanak-kanak-ditahan-rentas-sempadan-guna-pangkalan-haram/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/begging-syndicate-earning-up-to-rm3000-day-busted-for-exploiting-children-FE13538937">https://thesun.my/malaysia-news/begging-syndicate-earning-up-to-rm3000-day-busted-for-exploiting-children-FE13538937</a>	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	<b>BAYI LELAKI MAUT DISYAKI DIDERA PENGASUH</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/bayi-lelaki-maut-disyaki-didera-pengasuh/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/bayi-lelaki-maut-disyaki-didera-pengasuh/</a>	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/01/16/bayi-11-bulan-maut-alami-pendarahan-otak-didera-pengasuh/">https://www.kosmo.com.my/2025/01/16/bayi-11-bulan-maut-alami-pendarahan-otak-didera-pengasuh/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/16/babysitter-arrested-in-mersing-over-infant039s-death">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/16/babysitter-arrested-in-mersing-over-infant039s-death</a>	THESTAR.COM.MY	
	<a href="https://majoriti.com.my/berita/2025/01/16/bayi-lelaki-9-bulan-maut-akibat-pendarahan-dalam-kepala-dan-luka-di-mulut-pengasuh-wanita-ditahan-di-mersing">https://majoriti.com.my/berita/2025/01/16/bayi-lelaki-9-bulan-maut-akibat-pendarahan-dalam-kepala-dan-luka-di-mulut-pengasuh-wanita-ditahan-di-mersing</a>	MAJORITI.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	<b>JUMLAH MANGSA BANJIR DI SARAWAK MENINGKAT SEDIKIT, JOHOR DAN PERAK KEKAL PAGI INI</b>		<b>NEUTRAL</b>
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jumlah-mangsa-banjir-di-sarawak-meningkat-sedikit-johor-dan-perak-kekal-pagi-ini-504777">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jumlah-mangsa-banjir-di-sarawak-meningkat-sedikit-johor-dan-perak-kekal-pagi-ini-504777</a>	ASTROAWANI.COM	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



17/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	<b>TBC: PUSAT KHIDMAT ADUN KOTA SENTOSA ANJUR 2 PROGRAM BANTU KELUARGA B40</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/tbc-pusat-khidmat-adun-kota-sentosa-anjur-2-program-bantu-keluarga-b40">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/tbc-pusat-khidmat-adun-kota-sentosa-anjur-2-program-bantu-keluarga-b40</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	<b>25 PESERTA OKU TINGKAT KEMAHIRAN MELALUI KENYALANG SKILLS CENTER</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/01/16/25-peserta-oku-tingkat-kemahiran-melalui-kenyalang-skills-center/">https://www.tvsarawak.my/2025/01/16/25-peserta-oku-tingkat-kemahiran-melalui-kenyalang-skills-center/</a>	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	<b>APM, TENTERA DAN POLIS EDAR PEK MAKANAN KEPADA MANGSA BANJIR</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/16/apm-tentera-dan-polis-edar-pek-makanan-kepada-mangsa-banjir">https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/16/apm-tentera-dan-polis-edar-pek-makanan-kepada-mangsa-banjir</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	<b>MAS SHHERRA DICARI UNTUK SAH STATUS ANAK ANGKAT</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/01/16/mas-shherra-dicari-untuk-sah-status-anak-angkat/">https://malaysiagazette.com/2025/01/16/mas-shherra-dicari-untuk-sah-status-anak-angkat/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	<b>PENGANGGUR DIPENJARA 5 TAHUN, SATU SEBATAN AMANG SEKSUAL ADIK TIRI</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/707501/berita/semasa/penganggur-dipenjara-5-tahun-satu-sebatan-amang-seksual-adik-tiri#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/707501/berita/semasa/penganggur-dipenjara-5-tahun-satu-sebatan-amang-seksual-adik-tiri#google_vignette</a>	SINARHARIAN.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



17/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	<b>GURU DIDAKWA 'PAKSA' REMAJA AMBIL GAMBAR TIDAK SENONOH</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/01/16/guru-didakwa-paksa-remaja-ambil-gambar-terlampau/">https://www.kosmo.com.my/2025/01/16/guru-didakwa-paksa-remaja-ambil-gambar-terlampau/</a>	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	<b>LELAKI DISYAKI ROGOL REMAJA HINGGA HAMIL DITAHAN</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1177244/lelaki-disyaki-rogol-remaja-hingga-hamil-ditahan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1177244/lelaki-disyaki-rogol-remaja-hingga-hamil-ditahan</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/707507/berita/semasa/lelaki-diberkas-didakwa-rogol-remaja-15-tahun">https://www.sinarharian.com.my/article/707507/berita/semasa/lelaki-diberkas-didakwa-rogol-remaja-15-tahun</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/lelaki-ditahan-rogol-remaja-14-tahun-sehingga-hamil/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/lelaki-ditahan-rogol-remaja-14-tahun-sehingga-hamil/</a>	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/polis-tahan-suspek-kes-rogol-remaja-tingkatan-3/">https://www.buletintv3.my/jenayah/polis-tahan-suspek-kes-rogol-remaja-tingkatan-3/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/01/16/man-in-subang-jaya-arrested-for-rape-after-teen-girlfriend-found-pregnant/163449">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/01/16/man-in-subang-jaya-arrested-for-rape-after-teen-girlfriend-found-pregnant/163449</a>	MALAYMAIL.COM	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/16/man-suspected-of-raping-teen-girl-arrested-in-johor">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/16/man-suspected-of-raping-teen-girl-arrested-in-johor</a>	THESTAR.COM.MY	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/01/16/subang-cops-nab-man-suspected-of-raping-14-year-old/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/01/16/subang-cops-nab-man-suspected-of-raping-14-year-old/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/01/1161769/suspect-rape-14-year-old-nabbed">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/01/1161769/suspect-rape-14-year-old-nabbed</a>	NST.COM.MY	



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN ANALITIK HARIAN  
JUMAAT, 17 JANUARI 2025






# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




## LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL

### PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI



### PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI







# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm


## LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL




LIPUTAN BERDASARKAN JENIS MEDIA



LIPUTAN BERDASARKAN BAHASA MEDIA



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH MEDIA UTAMA

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
Mangsa pemerdagangan manusia warga Yaman kutip RM3,000 sehari	5
Bayi lelaki maut disyaki didera pengasuh	4
Lelaki disyaki rogol remaja hingga hamil ditahan	8


TAJUK BERITA UTAMA




# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm


## LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL



LIPUTAN BERDASARKAN PLATFORM MEDIA SOSIAL



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH UTAMA/KOL

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
<u>Nasib suami isteri warga emas yang terputus bekalan makanan hingga terpaksa bergantung kepada ihsan jiran turut mendapat perhatian Pasaraya</u>	1
<u>Seorang lelaki warga emas dilaporkan hilang selepas memasuki kebun kelapa sawit miliknya di Batu 17</u>	5
<u>Dua wanita masing-masing peneroka dan pesara guru di Pekan dan Bentong, kerugian RM327,829 selepas terpedaya dengan penipuan panggilan telefon.</u>	2

TAJUK TOPIK UTAMA



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL

### FRASA PALING POPULAR

trend yang sedang meningkat dalam mesej berkaitan topik



Most used in current period			Popularity change	Popularity score	Most used in previous period			Popularity score
1	kanak kanak		-40.5% ↓	100	1	kanak kanak	100	
2	kuala lumpur		-19.2% ↓	89	2	kuala lumpur	66	
3	warga emas		-31.5% ↓	67	3	warga emas	58	
4	ketua polis		NEW	58	4	media sosial	55	
5	media sosial		-39.0% ↓	56	5	berita terkini	46	

### HASHTAG PALING POPULAR

mesej dalam perbincangan dengan menggunakan hashtag yang relevan.



Most used in current period			Popularity change	Popularity score	Most used in previous period			Popularity score
1	#awaninews		-32.3% ↓	100	1	#awaninews	100	
2	#awani745		NEW	58	2	#sinarplus	68	
3	#bhsukan		NEW	34	3	#buletintv3	65	
4	#bhkes		NEW	29	4	#lifestylesinarharian	59	
5	#kualalumpur		-28.6% ↓	24	5	#malaysiagazette	55	


# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




## LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA

### METRIK UTAMA




### LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



**Net sentiment**  
This is +1 points compared to the previous period.

**Analyzed 883 mentions**

- 259 with positive sentiment
- 242 with neutral sentiment
- 382 with negative sentiment




**Mostly negative**  
The majority of conversations about this topic have negative sentiment.

### SUSURMASA LIPUTAN - ISU ISU SEMASA

**Mangsa pemerdagangan manusia warga Yaman kutip RM3,000 sehari**

**Bayi lelaki maut disyaki didera pengasuh**

**Lelaki disyaki rogol remaja hingga hamil ditahan**



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## ANALISIS LIPUTAN MEDIA - AGENSI

### TOPIK UTAMA

#### MANGSA PEMERDAGANGAN MANUSIA WARGA YAMAN KUTIP RM3,000 SEHARI

##### LIPUTAN BERITA


- o KUALA LUMPUR: Sindiket pengemis disyaki mengeksploitasi kanak-kanak di sekitar Bukit Bintang, di sini dan Klang, Selangor dipercayai mampu mengutip sehingga RM3,000 sehari.
- o Kegiatan itu dikesan menerusi Op Pintas Khas yang dilaksanakan Bahagian D3 (Anti Perdagangan Orang dan Penyeludupan Migran - ATIPSOM), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, di dua lokasi berkenaan, kelmarin.
- o Ketua Penolong Pengarah, D3 Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Soffian Santong, berkata lapan suspek disyaki ahli sindiket yang terdiri daripada warga Yaman ditahan dalam operasi bermula 10 malam itu.
- o "Dalam serbuan yang sama, turut berjaya menyelamatkan tujuh mangsa perdagangan manusia eksploitasi buruh paksa (kanak-kanak di bawah umur).
- o "Suspek disyaki kumpulan penjenayah yang mengeksploitasi kanak-kanak bagi tujuan mengemis dipercayai aktif sejak September 2024 hingga kini," katanya dalam kenyataan hari ini.
- o Menurutnya, siasatan awal mendapati kumpulan berkenaan akan mula mengemis secara berkumpulan bermula 6 petang hingga 3 pagi.

### CADANGAN

Kesedaran Awam Melancarkan kempen kesedaran untuk mendidik masyarakat mengenai sindiket perdagangan manusia dan bagaimana mengenal pasti mangsa. Memberi penekanan kepada akibat undang-undang terhadap mereka yang memberi sokongan atau memanfaatkan kegiatan sindiket ini. Langkah-langkah ini diharap dapat memberikan perlindungan kepada mangsa, memerangi sindiket, dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu ini.

### TINDAKAN

- KPWKM
- JKM
- LPPKN



Antara lapan warga Yaman yang dipercayai anggota sindiket pengemis ditahan dalam Ops Pintas Khas di sekitar Kuala Lumpur dan Klang, Selangor kelmarin. ihsan PDRM

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	SINDIKET PENGEMIS YAMAN RAIH RM90K SEBULAN		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	HARIAN METRO
TARIKH :	17 JAN 2025	M/SURAT :	01&02
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM



## PENGEMIS YAMAN KAUT RM3,000 SEHARI

Polis tahan lapan individu dipercayai anggota sindiket eksploitasi kanak-kanak di ibu kota

Oleh Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil  
harisfadli@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**S**indiket pengemis Yaman yang dikesan mengeksploitasi kanak-kanak sekitar Bukit Bintang, di sini dan Klang, Selangor dipercayai mampu mengutip hasil sehingga RM3,000 sehari.

Kegiatan itu dikesan menerusi Op Pintas Khas dilakukan Bahagian D7 (Anti Penderagangan Orang dan Penyeludupan Migran - ATIPSOM), Jabatan Siasatan Jenayah (ISJ) Bukit Aman, di dua lokasi berkenaan, kelmarin.

Ketua Penolong Pengarah, D7 Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Sofian Santong berkata, lapan suspek disyaki ahli sindiket membatalkan warganegara Yaman ditahan dalam operasi bermula 10 malam itu.

"Dalam serbuan yang sama, polis turut berjaya menyelamatkan tujuh mangsa penderagangan manusia dan eksploitasi buruh paksa membatalkan kanak-kanak di bawah umur.



ANITA warga Yaman yang dipercayai anggota sindiket pengemis ditahan dalam Ops Pintas Khas di sekitar Kuala Lumpur dan Klang.

"Suspek disyaki kumpulan penjenayah yang mengeksploitasi kanak-kanak bagi tujuan mengemis. Mereka dipercayai aktif sejak September 2024 hingga kini, katanya semalam.

Menurutnya, siasatan awal mendapati kumpulan pengemis itu akan mula mengemis secara berkumpulan bermula jam 6 petang hingga jam 3 pagi.

Sofian berkata, sindiket pengemis itu akan mula mengemis secara berkumpulan bermula jam 6 petang hingga jam 3 pagi.

Sofian berkata, sindiket pengemis itu akan mula mengemis secara berkumpulan bermula jam 6 petang hingga jam 3 pagi. Katanya, tujuh kanak-kanak

**7**  
Bilangan kanak-kanak lelaki diselamatkan ketika serbuan polis.

**8**  
Bilangan suspek warga Yaman ditahan polis.

nak lelaki diselamatkan berusia lingkungan satu bulan hingga 16 tahun manakala seorang kanak-kanak perempuan berusia lima tahun.

"Kesemua mangsa adalah warga Yaman. Mangsa diselamatkan mengikut Seksyen 41(1) Akta ATIPSOM 2007 (Akta 690) manakala tindakan ke atas lapan suspek dilakukan mengikut Seksyen 14 Akta ATIPSOM 2007.

"Kesemua suspek adalah warga Yaman membatalkan enam lelaki dan dua wanita berusia lingkungan 21 hingga 30 tahun dan semua mereka memasuki Malaysia menggunakan visa pelancong," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK : **PENGEMIS YAMAN KUTIP RM3,000 SEHARI**

HARI : **JUMAAT**

AKHBAR : **BERITA HARIAN**

TARIKH : **17 JAN 2025**

M/SURAT : **19**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

## Pengemis Yaman kutip RM3,000 sehari

Polis selamatkan tujuh mangsa pemerdagangan manusia dalam operasi di Klang, Bukit Bintang

Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sindiket pengemis warga Yaman dipercayai mampu mengutip sehingga

RM3,000 sehari dengan mengeksploitasi kanak-kanak di sekitar Bukit Bintang, di sini dan Klang, Selangor.

Kegiatan itu dikesan menerusi Op Pintas Khas yang dilaksanakan Bahagian D3 (Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran - ATIPSOM), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, di dua lokasi berkenaan, kelmarin.

### 8 ahli sindiket ditahan

Ketua Penolong Pengarah, D3 Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Soffian Santong, berkata lapan suspek disyaki ahli sindiket yang terdiri daripada warga Yaman ditahan dalam



Polis menahan pengemis dipercayai mangsa pemerdagangan manusia termasuk kanak-kanak dalam operasi di sekitar Bukit Bintang dan Klang, kelmarin.

(Foto ihsan PDRM)

operasi bermula 10 malam itu.

“Dalam serbuan yang sama, turut berjaya menyelamatkan tujuh mangsa pemerdagangan manusia eksploitasi buruh paksa (kanak-kanak di bawah umur).

“Suspek disyaki kumpulan penjenayah yang mengeksploitasi kanak-kanak bagi tujuan mengemis dipercayai aktif sejak September 2024 hingga kini,” ka-

tanya dalam kenyataan, semalam.

Soffian berkata, siasatan awal mendapati kumpulan berkenaan akan mula mengemis secara berkumpulan bermula jam 6 petang hingga 3 pagi.

Beliau berkata, sindiket berkenaan dianggarkan mampu mengaut keuntungan kira-kira RM2,500 hingga RM3,000 setiap hari.

Katanya, tujuh kanak-kanak

lelaki diselamatkan berusia lingkungan satu bulan hingga 16 tahun, manakala seorang kanak-kanak perempuan berusia lima tahun di mana kesemua mangsa adalah warga Yaman.

“Kesemua mangsa diselamatkan mengikut Seksyen 44(1) Akta ATIPSOM 2007 (Akta 670), manakala tindakan ke atas lapan suspek mengikut Seksyen 14 Akta ATIPSOM 2007,” katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BAYI MATI DENGAN KESAN LUKA DALAM MULUT

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 17 JAN 2025

M/SURAT : 01&03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK



## Ada kesan luka dalam mulut bayi

Polis tahan pengasuh wanita berhubung kematian bayi 9 bulan

Wartawan  
Harian Metro  
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seorang pengasuh wanita ditahan polis susulan kematian bayi lelaki berusia sembilan bulan akibat pendarahan dalam kepala dan luka di mulut.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, bayi itu disahkan meninggal dunia pada jam 3.30 petang kelmarin ketika menerima rawatan di Hospital Sultan Ismail (HSI), Johor Bahru.

Berlaku pendarahan yang banyak pada otak mangsa berkemungkinan akibat kekurangan oksigen dan mangsa terpaksa bergantung kepada alat bantuan pernafasan sepenuhnya ketika menerima rawatan”

Siti Kamsiah




Menurutnya, pemeriksaan mendapati tiada sebarang kesan kecederaan fizikal.

“Bagaimanapun pemeriksaan di bahagian dalam mulut mendapati terdapat kesan luka yang disyaki berpunca objek tidak dapat dikenal pasti.

“Berlaku pendarahan yang banyak pada otak mangsa berkemungkinan akibat kekurangan oksigen dan mangsa terpaksa bergantung kepada alat bantuan pernafasan sepenuhnya ketika menerima rawatan,” katanya kepada Harian Metro semalam.

Beliau berkata, susulan kematian bayi itu, pengasuh bayi itu ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31 (1) Akta Kanak-Kanak 2001.



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : JOHOR FULLY RECOVERS FROM FLOODS

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 17 JAN 2025

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Johor fully recovers from floods

**JOHOR BAHRU:** The flood situation in Johor has fully recovered, with the last three temporary evacuation centres in the state now closed.

State Disaster Management Committee (JPBN) chairman Tan Sri Dr Azmi Rohani said that the three relief centres: Sekolah Kebangsaan Melayu Raya in Pontian, and Dewan Serbaguna Kahang as well as Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kahang in Kluang, have been closed.

"All 230 evacuees, from 72 families, who were accommodated in these centres,

have been allowed to return to their homes today, following the receding floodwaters and confirmation that the situation in the affected residential areas is safe.

"The weather forecast for Pontian predicts rain, while Muar is expected to be cloudy, with the other eight districts set to experience sunny conditions," he said in a statement.

On Jan 10, Johor was once again struck by floods in the districts of Kota Tinggi, Pontian, Kluang, Kulai, and Johor Bahru, caused by continuous heavy rain.

Meanwhile in Ipoh, flooding

in several areas of the Manjung district also fully recovered, with the last remaining relief centre closing at 2pm yesterday.

The JPBN Secretariat in a statement announced that all 31 evacuees from nine families, who had been sheltered at Sekolah Agama Rakyat Padang Serai in Beruas, were allowed to return home.

"Monitoring by the authorities and relevant parties confirmed that the situation at the disaster sites is now safe, and all flood victims have been cleared to return to their residences," read the statement.

— Bernama

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## TBC: Pusat Khidmat ADUN Kota Sentosa anjur 2 program bantu keluarga B40

Nasional - Dicipta: 16 Januari 2025 07:57 PM - Kemas kini: 16 Januari 2025 07:57 PM



*Sidang media Program untuk B40 'Jualan Istimewa' sempena Tahun Baru Cina untuk komuniti Kota Sentosa, di Farley Kuching*

**KUCHING, 16 Januari-** Pusat Khidmat ADUN Kota Sentosa dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Pengguna Sarawak SCWA dan Yayasan Pengguna Negara Malaysia YPNM Cawangan Kuching akan menganjurkan dua program bantuan makanan bagi membantu keluarga B40 di kawasan tersebut.

Ia sempena perayaan Tahun Baharu Cina yang bakal diraikan tidak lama lagi.

ADUN Kota Sentosa Wilfred Yap berkata, ia adalah Program Jualan Istimewa Khas berupa pakej subsidi makanan di mana 500 bakul makanan dijual dengan harga rendah pada 24 Januari.

Manakala program yang kedua adalah program bantuan makanan untuk keluarga miskin tegar di kawasan tersebut di mana 100 bakul makanan akan diagihkan.

Katanya, program itu bertujuan memastikan semua lapisan masyarakat dapat berkongsi kegembiraan sempena perayaan tersebut tanpa mengira status ekonomi.

Beliau menambah, kempen keselamatan jalan raya juga bakal dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup KPDN, Polis Diraja Malaysia PDRM serta Jabatan Pengangkutan Jalan JPJ selain menyediakan 700 baucer petrol percuma bernilai RM5 kepada penunggang motosikal B40.

Ia akan dijalankan di tiga stesen minyak Petronas di Taman Hui Sing, Jalan Datuk Bandar Mustapha dan Jalan Stutong pada 18 dan 25 Januari.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) diberi peluang kedua untuk meningkatkan kemahiran dan pendapatan melalui Program Latihan Madani 2025 yang dianjurkan oleh Kenyalang Skills Center di Pusat Bandar Sibu. Foto Kenyalang Skills Center

## 25 peserta OKU tingkat kemahiran melalui Kenyalang Skills Center

By Lorenzo Isaac Ak Anthony #bm, Berita Sarawak January 16, 2025 5:01 PM

SIBU, 16 Jan: Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) diberi peluang kedua untuk meningkatkan kemahiran dan pendapatan melalui Program Latihan Madani 2025 yang dianjurkan Kenyalang Skills Center di Pusat Bandar Sibu.

Program tersebut adalah hasil kerjasama dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDC), Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS), Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) dan Methodist Care Center Sibu berlangsung dari 15 hingga 17 Januari 2025 di Hall, Agape Center, Sibu.

"Seramai 25 peserta OKU telah mengambil bahagian dalam program ini, yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran mereka dan membuka peluang pendapatan baharu," menurut kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

Dalam pada itu, Human Resource Development Corporation (HRDC) dengan kerjasama Kenyalang Skills Center Sdn Bhd berjaya menganjurkan Program Latihan Madani 2025 bertemakan Mothercare & Beauty: Post Natal (Package Service & Home SPA).

Kerjasama strategik bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) turut memainkan peranan penting dalam menjayakan program ini.

Selain itu, beberapa organisasi komuniti di bawah JKMS terlibat secara langsung termasuk Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Murni Dudong, Sibujaya, Pusat Pemulihan Permai, Pusat Pemulihan Nur Qaseh dan Methodist.

"Program ini bertujuan meningkatkan kemahiran dan pendapatan peserta dalam bidang penjagaan ibu selepas bersalin dan perkhidmatan spa di rumah.

"Selain itu, program ini juga membuka peluang penambahan pendapatan melalui kemahiran baharu yang diperolehi serta menawarkan pelbagai aktiviti tambah nilai, termasuk sesi praktikal dan latihan intensif," jelas kenyataan tersebut. – TVS

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	APM, TENTERA DAN POLIS EDAR PEK MAKANAN KEPADA MANGSA BANJIR		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	17 JAN 2025	M/SURAT :	06
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## APM, tentera dan polis edar pek makanan kepada mangsa banjir

**SIBU:** Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Sibu, dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), telah mengedarkan sebanyak 1,358 pek makanan kepada 387 Ketua Isi Rumah (KIR) yang terjejas akibat banjir di beberapa kawasan sekitar Sibu semalam.

Menurut Pegawai Bencana Operasi Latihan dan Sekretariat APM Sibu Kapten (PA) Azamsah Apearal, bantuan makanan itu telah disalurkan ke kawasan Jalan Salim-Staub, Kampung Pulau Dulong, Sungai Naman, Sungai Menyan, Sungai Pak dan Ulu Durin bagi memastikan penduduk yang terjejas akibat banjir mendapat bekalan yang mencukupi.

“Operasi ini melibatkan 10 anggota APM, 10 anggota ATM dan dua anggota

PDRM.

“Kami bekerjasama memastikan bantuan ini disampaikan dengan cepat dan teratur kepada mereka yang memerlukan,” katanya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu, di Kanowit pengagihan pek makanan turut dijalankan di kawasan Machan termasuk di Rumah Bagol menggunakan tiga lori APM dan satu kenderaan pacuan empat roda milik ATM.

“Seramai 15 anggota APM, tujuh anggota ATM, serta kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terlibat dalam operasi di Kanowit bagi memastikan semua bantuan dapat diagihkan dengan lancar,” jelas beliau.

Selain operasi pengagihan makanan, APM Sibu dan Kanowit telah menugaskan 80 anggota sepanjang hari pertama banjir bagi menjalankan

pelbagai operasi bantuan dan menyelamat.

“Kami juga memastikan pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak terjejas.

“Penghantaran mereka ke pusat peperiksaan dilakukan dengan selamat dengan kerjasama pegawai peperiksaan,” tambahnya.

Tegas beliau, usaha ini mencerminkan komitmen APM dan agensi lain dalam memastikan keselamatan, kesejahteraan dan keperluan asas penduduk di kawasan terjejas akibat banjir terus diberi perhatian.

**PRIHATIN:** Anggota APM dan ATM sedang memuatkan pek makanan ke dalam lori sebelum diedarkan kepada penerima yang terjejas akibat banjir semalam.



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Mas Shherra dicari untuk sah status anak angkat

Oleh Zulhisham Isahak - 16 January 2025



Asrizul Sumadi menunjukkan Surat daftar kelahiran Nadien Javier Asrizul yang kini dalam jagaan bersama-sama isterinya di Taman Saujana, Kluang

KLUANG – Seorang wanita yang menyerahkan anak kandungnya kepada sepasang suami isteri sehari selepas dilahirkan di Johor Maternity Specialist di sini enam tahun lalu dicari untuk mengesahkan status anak angkat.

Asrizul Sumadi, 40, berkata, Mas Shherra Arveena Noor Masri, yang kini telah berusia 25 tahun itu diperlukan untuk melakukan proses pengangkatan secara sah di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kluang.

Katanya, wanita berkenaan telah membantunya menguruskan pendaftaran kelahiran di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Kluang sebelum meninggalkan bayi yang diberikan nama Nadien Javier Asrizul Abdul Salam yang ketika itu berusia dua hari kepada mereka.

“Kira-kira lima hari selepas menyerahkan bayi itu kepada isteri saya, Noraishah Paimin, 35, wanita itu terus menghilangkan diri tanpa dapat dikesan dan dipercayai sudah mendirikan rumah tangga.

“Wanita itu pernah tinggal di Jalan Bunga Raya, Kampung Melayu namun berpindah sebaik selepas kelahiran bayi pada 30 Julai 2019,” katanya ketika ditemui.

Menurut Asrizul lagi, anak angkat yang diperliharanya itu akan memulakan persekolahan sebaik sesi persekolahan baharu dibuka hujung Februari ini.

Ujarnya, susulan itu, wanita berkenaan amat diperlukan untuk menyelesaikan urusan penyerahan anaknya sebagai anak angkat secara sah di JKM kepada mereka.

“Siapa-siapa yang mengenali wanita ini atau dirinya sendiri boleh berhubung dengan saya menerusi talian 012-7356758 untuk mengatur pertemuan bagi menguruskan hal-hal berkaitan di JKM,” katanya.- MalaysiaGazette

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Penganggur dipenjarakan 5 tahun, satu sebatan amang seksual adik tiri



SYAMILAH ZULKIFLI [Follow](#)

16 Januari 2025 01:32pm



Tertuduh mengaku bersalah atas tiga pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap adik tirinya berusia 11 tahun antara Ogos 2023 hingga Julai 2024.

SEREMBAN - Seorang penganggur dipenjarakan lima tahun dan satu sebatan oleh Mahkamah Sesiyen di sini pada Khamis atas tiga pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap adik tirinya berusia 11 tahun antara Ogos 2023 hingga Julai 2024.

Hakim, Datin Surita Budin menjatuhkan hukuman berkenaan terhadap tertuduh berusia 24 tahun selepas dia mengaku bersalah atas pertuduhan dibacakan.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat selepas mengambil kira fakta kes dan rayuan dikemukakan tertuduh serta faktor kes yang merupakan kesalahan serius melibatkan kepentingan awam.

Mengikut tiga pertuduhan yang dibacakan berasingan, tertuduh telah melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun.

Kesalahan itu dilakukan antara pertengahan Ogos 2023 hingga Julai 2024 antara jam 8 malam hingga 10 malam di dua lokasi iaitu di sebuah rumah di Felda Palong 4 dan di Felda Palong 5, Jempol.

Berikutan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Sabit kesalahan, boleh dihukum penjara tidak melebihi 20 tahun dan boleh juga disebat.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu dikenakan hukuman penjara dari tarikh ditangkap.

Timbalan Pendakwa Raya, Norazihah Asmuni berkata, hubungan tertuduh dengan mangsa adalah adik-beradik tiri dan kesalahan dilakukannya adalah jenayah seksual yang serius.

"Mohon hukuman setimpal dikenakan terhadap tertuduh yang kini sedang menjalani hukuman penjara atas kesalahan sama yang melibatkan adik kepada mangsa berusia enam tahun," katanya.

Mahkamah turut menetapkan hukuman penjara dikenakan bermula dari tarikh tertuduh ditangkap pada 14 November 2024.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Guru didakwa 'paksa' remaja ambil gambar tidak senonoh

Oleh MOHD YUNUS YAKKUB 16 Januari 2025, 2:03 pm



Mahkamah Klang, Gambar Hiasan

KLANG – Seorang guru sebuah sekolah berasrama penuh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual bukan fizikal terhadap remaja berusia 13 tahun pada enam tahun lalu.

Tertuduh, Erzazuraidi Mohd. Nasir Perumal, 40, membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Noridah Adam.

Erzazuraidi didakwa melakukan amang seksual tidak fizikal dengan menyuruh remaja itu mengambil gambarnya sendiri dengan posisi yang berunsur lucah bagi maksud seksual di sebuah rumah sekitar Kapar kira-kira pukul 3 pagi antara November hingga Disember 2019.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 15(f) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang dibaca bersama Seksyen 16 akta sama.

Sabit kesalahan, boleh dipenjarakan sehingga 10 tahun atau denda RM20,000 atau keduanya mengikut Seksyen 15 (f) akta tersebut selain penjara sehingga lima tahun dan tidak kurang dua sebatan mengikut Seksyen 16 bagi akta itu.

Timbalan Pendakwa Raya Nur Ayuni Jamri kemudian mencadangkan jaminan sebanyak RM15,000 bersama seorang penjamin selain syarat tambahan melaporkan diri di balai polis berhampiran setiap bulan dan tidak boleh mengganggu mangsa dan saksi.

Peguam Khairul Mukhtar Salam mitigasinya memohon mahkamah menetapkan jaminan sebanyak RM3,000 terhadap Erzazuraidi.

"Tertuduh adalah seorang penjawat awam (guru) dan disiasat sejak 2022 dan sentiasa memberikan kerjasama kepada polis," katanya.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan sebanyak RM5,000 dengan seorang penjamin dan membenarkan syarat tambahan pendakwaan serta menetapkan sebutan semula kes pada 25 Februari ini.

Dalam pada itu, peguam pemerhati, Faizal Rahman mewakili mangsa dan ahli keluarga menggesa siasatan penuh dilakukan bagi mengenal pasti isu gangguan seksual di sekolah itu kerana dipercayai ramai lagi menjadi mangsa.

"Antaranya termasuk ayat-ayat 'double meaning', perilaku dan sebagainya. Malah saya sendiri menerima aduan daripada pelajar yang menghadapi masalah sama," jelasnya. – KOSMO! ONLINE

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : SUSPEK DITAHAN REMAN TUJUH HARI

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 17 JAN 2025

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## NODA REMAJA 15 TAHUN

### Suspek ditahan reman tujuh hari

**Subang Jaya:** Lelaki disyaki merogol remaja perempuan berusia 15 tahun yang dikenali melalui media sosial hujung tahun lalu, akhirnya berjaya dijejaki dan ditahan polis, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat berkata, suspek ditahan di Kulai, Johor pada 12 tengah malam.

Menurutnya, suspek kini direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan lanjut berhubung kes berkenaan.

“Permohonan reman diperolehi selama tujuh hari bermula hari ini (semalam) sehingga 22 Januari depan.

“(Suspek dan mangsa dipercayai) berkenalan melalui sosial media. Hasil siasatan akan dimak-

lumkan selepas siasatan lengkap (dijalankan),” katanya semalam.

Terdahulu media melaporkan, remaja perempuan mengandung 10 minggu selepas dirogol kenalan lelaki di kediaman suspek hujung tahun lalu.

Wan Azlan dilaporkan berkata, polis menerima laporan dibuat doktor yang merawat mangsa.

“Hasil siasatan pihaknya mendapati, mangsa berkenalan dengan suspek berusia 20-an sejak November lalu,” katanya.

Remaja perempuan mengandung 10 minggu selepas dirogol kenalan lelaki di kediaman suspek hujung tahun lalu.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : LELAKI ACU PISAU KE ARAH ISTERI DITAHAN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 17 JAN 2025

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## CEMBURU BUTA

### Lelaki acu *pisau* ke arah isteri ditahan

**Kuala Lumpur:** Cemburu buta menjadi punca seorang lelaki bertindak ganas memukul dan mengacau pisau ke arah isterinya selepas menuduh mangsa mempunyai hubungan sulit dengan lelaki lain.

Suspek lelaki berusia 45 tahun itu yang menetap di Ampang, Selangor, bagaimanapun diberkas polis jam 10.30 malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, isteri suspek yang juga seorang guru tadika membuat laporan polis selepas berlaku perselisihan faham ketika suaminya dalam keadaan mabuk.

"Suspek kemudian bertindak memukul dan menendang isterinya di bahagian belakang badan. Semasa kejadian, suspek turut mengacukan pisau ke arah isterinya dan perbuatan itu disaksikan anak mereka.

"Hasil pemeriksaan pegawai perubatan mendapati mangsa mengalami kecederaan di bahagian leher manakala saringan ujian air kencing mendapati suspek negatif mengambil

dadah," katanya.

Mohd Azam berkata suspek direman selama tiga hari dan kes disiasat mengikut Seksyen 323 dan 506 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja mendatangkan kecederaan dan ugutan jenayah.

Sementara itu, seorang lelaki ditahan selepas disyaki terbabit dalam kes pukul seorang lelaki sehingga menyebabkan cedera parah dalam kejadian di Jalan Pandan Indah, Ampang, Sabtu lalu.

Mohd Azam berkata suspek berumur 30-an itu ditahan oleh sepasukan pegawai dan anggota daripada IPD Ampang Jaya di tepi jalan berhadapan IPD itu, Isnin lalu.

Beliau berkata, motif kejadian dipercayai kerana dendam lama disebabkan mangsa pernah mencederakan suspek pada pertengahan 2024," katanya.

Beliau berkata suspek direman selama lima hari dan kes disiasat di bawah Seksyen 326 Kanun Keseksaan, iaitu menyebabkan cedera parah dengan menggunakan senjata.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : JAILED, CANED FOR SEXUALL ASSAULTING STEPSISTER

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 17 JAN 2025

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

## Jailed, caned for sexually assaulting stepsister

**SEREMBAN:** A 24-year-old man was sentenced to five years in prison and one stroke of the cane by the Sessions Court here after pleading guilty to three counts of sexual assault against his 11-year-old stepsister.

The unemployed convict did not contest the charges when they were read before judge Surita Budin. The offences occurred between August 2023 and July 2024 at two locations: a house in Felda Palong 4 and another in Felda Palong 5.

Deputy public prosecutor Norazihah Asmuni urged the court to impose a sentence that reflected the severity of the crime.

“The court should also take into account that the accused is currently serving another sentence for committing a similar crime against the victim’s six-year-old sister,” she said.

The accused, who was unrepresented, requested that his prison sentence be backdated to begin from his arrest on Nov 14 last year.

The court granted his request.